



INTERNATIONAL JOURNAL OF LAW,
GOVERNMENT AND COMMUNICATION
(IJLGC)
www.ijlgc.com



ETIKA DAN PERATURAN MEDIA SOSIAL: KAJIAN SEKATAN FACEBOOK TERHADAP MEDIA DI MALAYSIA

SOCIAL MEDIA ETHICS AND REGULATIONS: A STUDY OF FACEBOOK RESTRICTIONS ON MEDIA IN MALAYSIA

Azahar Kasim^{1*}, Awan Ismail², Chamil Wiraya³

¹ Pensyarah Kanan di Pusat Pengajian Teknologi Multimedia dan Komunikasi, Universiti Utara Malaysia, Sintok, Kedah

Email: w_azahar@uum.edu.my

² Prof Madya di Pusat Pengajian Teknologi Multimedia dan Komunikasi, Universiti Utara Malaysia, Sintok, Kedah

Email: awan@uum.edu.my

³ Ketua Pegawai Eksekutif Malaysian Press Institute (MPI)

Email: chamil_wariya@yahoo.com

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 17.05.2022

Revised date: 31.05.2022

Accepted date: 20.06.2022

Published date: 30.06.2022

To cite this document:

Kasim, A., Ismail, A., & Wiraya, C. (2022). Etika dan Peraturan Media Sosial: Kajian Sekatan Facebook Terhadap Media di Malaysia. *International Journal of Law, Government and Communication*, 7 (28), 296-314.

DOI: 10.35631/IJLGC.728023.

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Abstrak:

Media sosial adalah satu terma merujuk kepada laman sesawang menggabungkan aplikasi bagi membolehkan pengguna mencipta, bertukar dan berkongsi kandungan dengan pengguna lain atas talian. Pengguna media sosial sering membayangkan media sosial merupakan satu platform yang selamat dan tertutup bagi mereka berkongsi kandungan yang berbentuk provokasi dan kontroversi tanpa menyedari kesan perkongsian itu. Bagaimanapun, kini Facebook melakukan penapisan terhadap posting oleh pengguna sebagai satu strategi pengawalan. Facebook mempunyai beberapa sekatan ke atas akses atau pengeposan dan pemindahan maklumat serta menggariskan hak dan tanggungjawab pengguna ke atas setiap posting yang dilakukan. Oleh itu, kajian ini dilakukan untuk melihat frasa-frasa yang disekat oleh Facebook terutama dalam soal penyaluran berita di samping memeriksa sama ada ketua pengarang dan pengarang dalam organisasi media mengetahui dan menyedari kehadiran peraturan itu. Kaedah kualitatif membabitkan temu bual pakar organisasi media digunakan sepenuhnya dalam kajian. Hasil kajian mendapati banyak peraturan Facebook digariskan untuk kesejahteraan komuniti setempat mahupun antarabangsa. Memang wujud frasa-frasa tertentu disekat oleh Facebook terhadap berita yang dikeluarkan oleh organisasi media walaupun berlaku kelonggaran berdasar penggunaan bahasa setempat. Selain itu, kumpulan pengarang memahami tanggungjawab mereka dalam penggunaan sosial media terutama Facebook.

Kata Kunci:

Media Sosial, Facebook, Frasa-Frasa, Pengarang, Berita

Abstract:

Social media is a term that refers to websites that combine applications to allow users to create and exchange and share content with other users online. Social media users often imagine that social media is a secure and closed platform for them to share provocative and controversial content without realizing the potential impact of such sharing. However, Facebook does censor posts by users as a control strategy. It has some restrictions on access or posting and transfer of information as well as outlines the rights and responsibilities of users over each posting made. This study was conducted on the phrases blocked by Facebook especially in the matter of news distribution in addition to checking whether the editor-in-chief and authors in media organizations know the rules. Qualitative methods involving interviews of media organization experts were fully used in the study. The results of the study found that many Facebook rules are outlined for the well-being of local and international communities. It is true that certain phrases are blocked by Facebook on news released by media organizations despite the flexibility based on the use of the local language. In addition, the author group understands their responsibilities in the use of social media especially Facebook.

Keywords:

Social Media, Facebook, Phrases, Editor, News

Pengenalan

Penggunaan media sosial begitu signifikan dalam masyarakat kontemporari sebagai satu platform yang menawarkan satu cara mudah bagi mengakses dan menghubungkan rangkaian rakan, keluarga dan masyarakat di serata dunia. Selain menjadi satu alat komunikasi, media sosial juga mampu menjadi alat penyebaran dan perkongsian maklumat (Donath & Boyd, 2004; Boyd & Ellison, 2008). Laman sesawang berbentuk media sosial boleh dikategorikan kepada platform rangkaian sosial (MySpace, LinkedIn, Facebook), platform penerbitan media (Wordpress, Blogger, Wikipedia), platform perkongsian kandungan (YouTube, Flickr), platform perbincangan (Yahoo Messenger, Skype), platform microblogging (Twitter, Tumblr), platform siaran langsung (Lifestream), dan platform dunia maya (Second Life) (Kaplan & Haenlein, 2010). Bilangan individu dalam masyarakat yang terlibat dengan penggunaan media sosial telah bertambah dengan banyaknya, sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Menurut Pew Research Center (2019) dalam kajian Smith (2019) pada tahun 2005, hanya lima peratus rakyat Amerika Syarikat menggunakan media sosial dan meningkat kepada 50 peratus pada tahun 2011 dan terus meningkat kepada 72 peratus pada tahun 2018.

Menyedari pertambahan pengguna di alam maya menerusi rangkaian sosial, himpunan dan perkongsian berita dialihkan daripada industri akhbar bercetak kepada media sosial yang menyediakan laluan murah dan mudah kepada sektor kewartawanan (Broersma & Graham, 2012). Sebagai contoh, Facebook telah menjadi laman sesawang yang paling banyak dikunjungi dari segi halaman dan masa yang diperuntukkan. Melalui saluran media sosial, akhbar mengemas kini informasi mengenai ramalan kaji cuaca dan mempromosikan acara tertentu. Akhbar juga berkongsi pautan berita yang dihoskan ke laman web akhbar melalui media sosial (Ju, Jeong & Chyi, 2014).

Walaupun media sosial kini menjadi salah satu wacana perkongsian berita dan maklumat, namun hampir di semua laman media sosial yang berbentuk laman rangkaian sosial dari MySpace ke Friendster dan seterusnya ke Facebook mempunyai beberapa sekatan ke atas akses atau pengeposan dan pemindahan maklumat. Myspace telah menyediakan satu pertiga daripada kakitangannya untuk memantau profil yang berpotensi melanggar syarat penggunaan platformnya. Ia termasuk pengeposan perkongsian berkaitan gambar lucah, simbol kebencian dan kandungan yang sensitif dan menyinggung (Rosenblum, 2007). Pengguna media sosial sering membayangkan bahawa media sosial merupakan satu platform yang selamat dan tertutup bagi mereka berkongsi kandungan yang berbentuk provokasi dan kontroversi tanpa menyedari akan potensi kesan perkongsian tersebut (Jagatic, Johnson, Jakobsson & Menczer, 2007; Hey Tow, Dell & Venable, 2010). Maka, media sosial seperti Facebook melakukan penapisan terhadap posting oleh pengguna sebagai satu strategi pengawalan. Selain itu, strategi pengawalan ini juga mampu dimanfaatkan oleh pengguna dalam menguruskan pengikut media sosial mereka (Wisniewski, Lipford & Wilson, 2012). Tapisan posting ini diwujudkan bagi menangani aspek privasi yang sering menjadi isu bagi pengguna media sosial dan memelihara aspek keselamatan secara keseluruhan. Posting yang mereka lakukan berpotensi diakses oleh pengguna yang tidak sesuai mendapatkan akses serta kandungan yang dikongsi (Bernstein, Bakshy, Burke & Karrer, 2013).

Facebook telah menggariskan hak dan tanggungjawab pengguna ke atas setiap posting yang dilakukan. Facebook telah menyatakan regulasi keselamatan yang ketujuh, pengguna tidak boleh mengepos kandungan yang mengandungi ucapan berbaur kebencian, ugutan, pornografi, menghasut ke arah keganasan, imej lucah serta imej berbentuk ganas (Facebook, 2015). Selain itu, keterbukaan platform rangkaian sosial seperti Facebook juga mendorong komunikasi berlaku secara bebas di dalam dunia maya dan tanpa tapisan serta pemeriksaan ke atas fakta, berita palsu dan penyebaran maklumat tidak tepat oleh pengguna (Wu, Morstatter, Hu & Liu, 2016). Sehubungan dengan itu, terbaharu Facebook telah bekerjasama dengan kerajaan Singapura memperkenalkan kriteria yang ketat bagi tujuan iklan politik dan isu sosial seperti jenayah dan imigresen di platform rangkaian sosial yang bertujuan mengelakkan penyebaran maklumat palsu (South China Morning Post, 2019). Bagi meningkatkan sekuriti ke atas pengguna terutamanya kanak-kanak, *European Commissions's Safer Internet Programme* telah membantu rangkaian-rangkaian sosial dalam melakukan regulasi. Pengendali rangkaian sosial terkemuka termasuk Facebook telah menandatangani *Safer Social Networking Principles* yang dipantau oleh Kesatuan Eropah (EU). Ia menggariskan rangkaian sosial seharusnya bersesuaian dengan semua usia, privasi pengguna sentiasa dijaga, menggalakkan pengguna menguruskan maklumat peribadi dan mewujudkan mekanisme mudah guna bagi kanak-kanak membuat laporan ke atas posting yang tidak bersesuaian (Livingstone, Olafsson & Staksrud, 2011).

Sekatan akses penggunaan Facebook ke atas rakyat telah berlaku di beberapa negara termasuk China dan Korea Utara bagi menghalang penyebaran sebarang maklumat bagi menggalakkan perhimpunan dalam kalangan rakyat. Di blok demokrasi, pada tahun 2011 India menyeru pengendali rangkaian sosial untuk menapis dan menurunkan kandungan yang dikongsi sekiranya ia berbentuk merendahkan, mengganggu atau menyinggung budaya masyarakat India. Antara kata kunci yang telah diturunkan perkongsian adalah mengenai pergerakan Telangana, pengubahan wang haram dan judi atas talian (Timmons, 2011).

Selain daripada tekanan luaran yang menyebabkan Facebook atau platform rangkaian sosial lain mengenakan sekatan, terdapat juga faktor dalaman yang diambil kira. Menurut Green, Wyllie & Jackson (2014), rangkaian sosial mungkin mengenakan sekatan bagi melindungi individu seperti mangsa atau saksi kejadian jenayah. Sekatan atau tapisan juga adalah bertujuan untuk mengekalkan persekitaran yang boleh diterima oleh segenap lapisan usia seperti tiada sebarang posting berbaur lucah dan ganas. Penapisan kandungan juga boleh melindungi pengguna dari sebarang bentuk pencerobohan data dan juga diperlukan bagi melindungi hak cipta dan mematuhi undang-undang. Justeru, organisasi media seharusnya cakna dengan sekatan dan tapisan yang dilakukan oleh pengendali rangkaian sosial seperti Facebook agar kandungan yang dikongsikan sampai kepada golongan sasaran. Selaku pihak yang membekalkan informasi dan berita kepada pengguna, sekatan dan tapisan ini memberikan impak tersendiri kepada aspek penyampaian maklumat. Dengan kadar penggunaan rangkaian sosial di Malaysia sebanyak 67 peratus, jumlah pembaca posting di dalam rangkaian media sosial di Malaysia adalah tinggi (Mustafa & Hamzah, 2011). Tapisan ini juga cenderung mengatur isu dan khlayak tertentu yang pengendali rangkaian sosial ingini dan membawa kesan buruk kepada mesej tertentu yang hendak disampaikan khususnya dari pengamal media (Jackson, 2014). Pengamal media khususnya yang bertindak sebagai penyampai berita memikul tanggungjawab tambahan di era media baharu dengan hadirnya rangkaian media sosial sebagai saluran penyampaian maklumat. Wartawan di New Zealand sebagai contoh menjelaskan mereka diharapkan oleh pihak pengurusan dan editor untuk melibatkan diri dengan khlayak di dalam talian dan meluaskan jumlah pembaca berita (Fletcher, & Nielsen, 2018). Maka, wartawan bertanggungjawab dalam memastikan khlayak sasaran mendapat informasi berita yang hendak disampaikan. Kebanyakan kajian yang dilakukan ke atas sekatan dan tapisan di Internet lebih tertumpu kepada aspek IP dan DNS di sesebuah negara (Bamman, O'Connor & Smith, 2012).

Oleh itu, kajian ini bertujuan melihat kepada sekatan dan tapisan yang lebih mikro iaitu dengan melihat kepada kata kunci dan posting isu-isu tertentu oleh pengamal media di Malaysia yang sering ditapis oleh Facebook. Dengan menggunakan Teori Tanggung Jawab Sosial, kajian ini akan mengetengahkan bagaimana pengamal media menjalankan kepentingan umum dan membawa tanggungjawab sosial tertentu. Teori ini menjelaskan bahawa media harus memikul tugas menjaga kualiti penyampaian berita dan kesan di atas penerbitan hasil kerja mereka kepada masyarakat umum (McQuail, 2010). Menurut teori ini, media boleh dipertanggungjawabkan secara langsung dan tidak langsung oleh masyarakat dalam menyampaikan berita yang berkualiti dan teori ini akan menjadi pengukur kepada pengetahuan, amalan, etika dan kemahiran wartawan mendepani cabaran sekatan dan tapisan di platform rangkaian sosial. Kajian ini akan memberikan memperlihatkan frasa-frasa yang dikenalpasti dalam kandungan berita yang disekat oleh Facebook dan adakah pengarang media mengetahui peraturan sekatan dan tapisan oleh Facebook dan bentuk tindakan yang diambil dalam penyampaian berita ke laman Facebook.

Orang ramai kini terdedah kepada ratusan laporan berita setiap hari yang ditulis di bilik berita Namun, dalam dunia di mana maklumat tiada batasan, kredibiliti adalah penentu penting dalam pilihan kandungan yang disampaikan oleh apa jua media (Schweiger, 2000; Nygren & Guath, 2019). Media yang dipercayai akan menyampaikan kandungan berita yang berkualiti dan mempunyai kredibiliti yang akan mempengaruhi kejayaan media dan nilai komersialnya. Kehadiran Facebook menyukarkan industri kewartawanan dalam menyampaikan berita seperti yang dilakukan oleh penyampaian berita secara tradisional (Mitchell & Holcomb, 2016). Populariti media tradisional menurun dan menyebabkan pengamal media beralih kepada media

digital kerana jumlah trafik di dalam media sosial lebih banyak dan ianya masa depan baharu bagi pemain industri. Ini telah menyebabkan terdapat perkaitan baharu antara wartawan dan media sosial. Pada masa yang sama, terdapat kebimbangan yang semakin meningkat terhadap kekuatan Facebook terhadap kewartawanan (Bell, 2016). Hermida (2016) menerangkan persekitaran berita telah beralih. Kini, pengguna menemui banyak mesej namun hanya sebahagian daripadanya adalah berita. Media sosial mengubah ekosistem berita dengan memperluas saluran di mana berita dapat dibuat dan disebarkan. Media sosial menjadikan perkongsian berita sebagai salah satu elemen dalam penggunaannya. Pada peringkat mikro, Facebook mengubah bagaimana berita difahami dengan menyusun semula konteks berita di ruang media sosial (Wintter, Brückner & Krämer, 2015). Pengaruh Facebook yang semakin meningkat sebagai laman penyebaran berita mendorong pemikiran semula bagaimana gaya berita tertentu sesuai dipamerkan bagi tujuan pembacaan (Vermeer, Trilling, Kruikemeier, & de Vreese, 2020). Pengarang media massa boleh menyunting dan menentukan persembahan berita mengikut gaya organisasi masing-masing sebelum dimuat naik di platform digital dan media sosial seperti Facebook, namun terdapat peraturan yang ditetapkan oleh platform media sosial itu sendiri untuk dipatuhi.

Persoalan Kajian

- i) Apakah frasa-frasa yang dikenalpasti dalam kandungan berita yang disekat oleh Facebook?
- ii) Adakah pengarang media mengetahui peraturan sekatan dan tapisan oleh Facebook dan bentuk tindakan yang diambil dalam penyampaian berita ke laman Facebook?

Objektif Kajian

- i) Mengenal pasti frasa-frasa dalam kandungan berita yang disekat oleh Facebook.
- ii) Mengenal pasti tahap pengetahuan pengarang media akan peraturan sekatan dan tapisan oleh Facebook dan bentuk tindakan yang diambil dalam penyampaian berita ke laman Facebook.

Sorotan Karya

Malaysia telah mengutamakan pengembangan teknologi maklumat dan komunikasi tetapi masih menggunakan dasar toleransi dan liberal berdasarkan garis panduan yang dinyatakan dalam menangani ledakan media (Penyata Parlimen, 2001). Malaysia juga mendapat perhatian paling banyak daripada segi perkembangan teknologi maklumat di seluruh dunia dan penonton diberikan pelbagai pilihan media. Dari media tradisional seperti surat khabar, majalah, telegraf, filem, radio dan televisyen, kebangkitan media baharu secara drastik didorong oleh perkembangan dan kemajuan teknologi maklumat. Banyak elemen-elemen baharu yang akan muncul seiring dengan kemajuan teknologi dan pada tahun 1987, Malaysia telah mula menggunakan media baharu yang dikenali sebagai Internet. Media baharu perlu dikendalikan dengan baik dan kawalan media adalah kaedah membendung penyebaran maklumat secara sengaja oleh pihak tertentu dengan cara apa pun, biasanya oleh pemerintah atau pemilik organisasi media. Pengendalian media ditakrifkan sebagai kaedah menyekat, menyaring, membatalkan dan melarang sebarang maklumat yang ingin disampaikan oleh organisasi media kepada orang ramai (Mahmud & Pitchan, 2017). Dalam aspek media dan peraturan, konsep kawalan media atau kawalan maklumat media digambarkan oleh Kent (1975) sebagai sebarang proses yang mempengaruhi kadar aliran atau jenis maklumat yang terkandung dalam sistem media. Kent (1975) menggariskan beberapa bentuk kawalan media iaitu penapisan yang melibatkan usaha menyembunyikan atau membatasi jumlah maklumat yang disiarkan dan diputarbelitkan untuk melindungi kepentingan pihak. Walau bagaimanapun, kawalan media

boleh berubah kerana kemajuan teknologi, masyarakat yang semakin heterogen, yang menjadikan kawalan media lebih sukar untuk dibendung dan kurang produktif dari segi ekonomi serta penonton atau penonton yang lebih canggih berikutan peningkatan taraf hidup dan pendidikan. Kawalan adalah proses menyaring maklumat dan idea yang disebarkan dalam komuniti (Mahmud et al., 2017). Penapisan bukanlah konsep baharu di dunia moden kerana ia telah berkembang pada abad ke-20 melalui tinjauan buku, rancangan radio atau televisyen, filem, drama dan laporan berita (Mahmud et al., 2017). Hari ini, kebebasan terutama di media masih menjadi perdebatan dalam kalangan ahli akademik, cendekiawan, badan bukan kerajaan (NGO) dan ahli politik.

Menurut Deklarasi Universal Hak Asasi Manusia 1948 (Assembly, 1948) Fasal 19 menyatakan bahawa setiap orang mempunyai hak untuk kebebasan berpendapat dan bersuara; hak ini merangkumi kebebasan untuk memegang pendapat tanpa campur tangan dan mencari, menerima dan menyampaikan maklumat dan idea melalui mana-mana media dan tanpa mengira sempadan. Maksudnya, setiap orang mempunyai kebebasan untuk bersuara, bercakap dan meluahkan pemikirannya tanpa gangguan dan untuk menerima dan menyebarkan maklumat melalui mana-mana media tanpa mengira sempadan. Dalam realiti kehidupan, orang umumnya memerlukan panduan terhadap apa yang dapat dilakukan dan sebaliknya dalam kehidupan mereka. Undang-undang adalah salah satu elemen terpenting dalam konteks ini, di mana melaluinya, seseorang itu dapat hidup dalam kedamaian dan keharmonian. Walau bagaimanapun, pemerintah terus menghadapi pelbagai cabaran dalam usaha menegakkan undang-undang (Pitchan, Mahmud, Sannusi & Salman, 2015). Dalam negara ini, Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 dibentuk untuk mengatur penggunaan percetakan dan percetakan, import, produksi, pembiakan, penerbitan dan pengedaran penerbitan dan mengenai hal-hal yang berkaitan dengannya. Akta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia 1998 dan Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 membolehkan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) melaksanakan peranannya dalam mengatur keselamatan siber. Antara beberapa akta yang berkaitan dengan profesion kewartawanan dan perlu diketahui adalah Akta Hasutan 1948 bertujuan menghukum sesiapa sahaja yang menimbulkan persoalan sensitif dengan tujuan menghasut dan membahayakan keselamatan negara. Akta Rahsia Rasmi (Pindaan) 1986 pula bertujuan untuk menyimpan rahsia rasmi negara supaya tidak dibocorkan kepada mereka yang ingin mendapat keuntungan segera atau boleh mengancam keselamatan negara. Sementara itu, Akta Fitnah 1957 bertujuan melindungi orang awam daripada menjadi alat fitnah. Fitnah adalah pembohongan yang disiarkan secara terbuka atau disiarkan kepada pihak ketiga. Akta Fitnah adalah undang-undang sivil sementara Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 diciptakan untuk mengekang kegiatan subversif yang boleh membahayakan keselamatan negara, sama ada komunis, politik, atau orang yang terlibat dalam kegiatan komunis (setelah berakhirnya Darurat pada 31 Julai 1960). Kanun Keseksaan pula mengandungi peruntukan jenayah dalam Kanun Keseksaan (Penal Code) yang menyentuh mengenai kebebasan bercakap. Sekatan dibuat mengenai perkataan-perkataan yang mencabul kehormatan wanita, ugutan, mengeji atau mencerca, kenyataan khianat, berita angin, iklan buku-buku lucah dan kenyataan yang boleh menyinggung agama. Akta Hakcipta 1987 pula bertujuan untuk melindungi karya-karya asli daripada disalahgunakan oleh orang lain yang ingin mendapatkan keuntungan dengan mudah dan segera. Dalam pada itu, Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 diwujudkan untuk mengawal semua jenis penerbitan sama ada dicetak di dalam negeri atau yang diimport.

Media Dan Teknologi

Internet dan media sosial mengubah cara orang berinteraksi. Internet mewakili persekitaran media yang baharu, unik, dan berkembang. Sebelum internet, interaksi manusia bergantung pada lokasi fizikal komunikasi tetapi kewujudan internet memudahkan komunikasi. Internet juga memungkinkan replikasi interaksi tatap muka, di mana dua individu yang berkomunikasi menggunakan teknologi ini dapat berkomunikasi secara langsung (Melissa & Hamidati, 2011). Kemunculan rangkaian digital dan internet terutamanya teknologi maklumat komputer mendorong era digital. Media baharu dalam era digital boleh dimanipulasi, dijejaskan atau internet. Media massa beralih kepada media baharu atau internet kerana perubahan budaya dalam penyebaran maklumat. Keupayaan era digital ini memudahkan dan mempercepat penyebaran maklumat kepada orang ramai dan media internet mendorong sebahagian besar media massa berubah ke arah digital. Perkembangan media sosial mengubah cara hidup masyarakat apabila pengguna sentiasa mengemas kini dan berkongsi maklumat dalam frekuensi tinggi. Media sosial digunakan sebagai media alternatif untuk perbincangan dan sebagai media interaksi pengguna untuk bertindak balas terhadap isu-isu semasa (Setiawan, 2017). Perubahan pada pelbagai rangkaian media menghadirkan pelbagai cabaran terhadap peranan, norma dan praktik harian kewartawanan. Budaya profesional diartikulasikan dalam kemahiran, idea dan amalan yang digunakan sebagai model kewartawanan berorientasikan khalayak. Internet dan alat yang memberdayakan wartawan untuk melakukan pekerjaan (tradisional) mereka dengan lebih baik bergerak ke tahap seterusnya, menghasilkan komitmen yang lebih besar terhadap penggunaan sosioteknologi (Spyridou, Matsiola, Veglis, Kalliris & Dimoulas, 2013).

Perkembangan maklumat, komunikasi dan teknologi telah membawa perubahan besar dalam industri media termasuk masyarakat sebagai penerbit atau pengguna dari segi maklumat, komunikasi dan teknologi tersebut. Industri media berkembang melalui pengembangan kepemilikan di pelbagai media massa atau di luar media massa. Kebimbangan mengenai jarak perjalanan atau keperluan jangka panjang bukan lagi menjadi penghalang dalam penyebaran maklumat (Pratiwi, 2015). Masyarakat sekarang mempunyai pelbagai maklumat, dan bahkan lebih penting lagi dalam mengkaji dan menilai semua maklumat yang ada di media massa, terutama dalam talian. Perkembangan maklumat, komunikasi dan teknologi menyebabkan perubahan sosial dan budaya. Masyarakat menjadi lebih bebas menyuarakan pendapat secara dalam talian sehingga mereka membentuk komuniti dalam talian yang merupakan gerakan atau perubahan sosial dalam masyarakat. Tidak dapat dinafikan bahawa masyarakat hari ini tidak dapat mengelakkan kesan maklumat, komunikasi dan teknologi.

Media Dan Facebook

Media sosial mengubah peredaran berita, beralih dari model komunikasi massa model yang ditetapkan sebagai pemilihan dan penyampaian berita sehalu (Nerone & Barnhurst, 2001) kepada rangkaian pengguna yang memperibadikan kandungan mereka, berkongsi cerita dengan orang lain, menambah komen dan memperlihatkan cerita melalui populariti. Dalam menghadapi perkembangan, perbincangan mengenai penglibatan Facebook dengan berita dan organisasi berita tidak boleh dilihat sebagai keterlaluan tetapi sebagai sebahagian daripada proses penafsiran penting, di mana amalan kewartawanan diiktiraf atau diwakilkan sebagai cara yang sesuai untuk orang ramai mengetahuinya. Pembentukan berita bukan entiti semulajadi, tetapi praktis bentuk material dan maksudnya timbul melalui *metajournalistic discourse* (Carlson, 2016). Menurut Ma'Alip (2015) dalam kajiannya mendapati bahawa Facebook adalah laman sosial paling popular yang dijadikan pilihan utama responden mewakili 53.9% sementara laman sosial kedua paling popular adalah Instagram sebanyak 30.0%, diikuti

Twitter sebanyak 15.6%. Menurut The Star, 2010 rakyat Malaysia diketahui mempunyai bilangan sahabat di Facebook yang ramai (Balakrishnan & Shamim, 2013). Media ini dikenali sebagai rangkaian sosial dalam talian yang paling disukai, terutama di kalangan pelajar kolej. Seperti yang telah dilaporkan oleh kajian sebelumnya 85-90% pelajar kolej menggunakan Facebook setiap hari (Hargittai & Walejko, 2008; Jones & Fox, 2009). Facebook mewujudkan Standard Komuniti yang menggariskan apa yang dibenarkan dan apa yang tidak dibenarkan untuk pengguna. Piawaian ini untuk seluruh dunia bagi semua jenis kandungan dan direka untuk menjadi komprehensif - kandungan yang tidak dianggap sebagai ucapan kebencian masih boleh dikeluarkan kerana melanggar dasar buli platform laman sosial itu. Facebook ingin mewujudkan persekitaran yang selamat dan mengembangkan dasarnya berdasarkan input daripada komuniti dan pakarnya dalam bidang seperti teknologi dan keselamatan awam. Perbualan di Facebook mencerminkan kepelbagaian komuniti lebih daripada dua bilion individu yang berkomunikasi di seluruh dunia. Standard Komuniti Facebook akan terus bangunkan dari semasa ke semasa dan menjadi panduan bagi cara berkomunikasi. Pengguna Facebook perlu mengikuti garis panduan itu yang ditetapkan.

Malaysia mewarisi sistem akhbar yang ditinggalkan oleh British selepas mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, termasuk kejayaan undang-undang akhbar yang dibentuk semasa penjajahan Inggeris. Pengamal media negara ini menggunakan Rukun Moral yang digariskan oleh Persatuan Wartawan Nasional Malaysia (NUJM) sebagai panduan dalam menghasilkan berita yang selaras dengan amalan konsep Teori Tanggungjawab Sosial. Berikut adalah kod moral yang ditetapkan oleh Persatuan Wartawan Nasional Malaysia (NUJM).

- i. Hormati hak dan hak orang ramai untuk mendapatkan laporan yang betul. Memelihara dua prinsip asas: kebebasan untuk mencari dan mencetak laporan dengan jujur dan betul untuk memberi komen dan teguran dengan adil tanpa tekanan daripada mana-mana pihak.
- ii. Laporan hanya berdasarkan fakta yang jelas dan sahih dari sumber yang jelas dan sah. Kaedah yang digunakan untuk mendapatkan berita, gambar dan dokumen perlu benar dan tidak menyalahi undang-undang.
- iii. Menerbitkan semula pernyataan yang betul sekiranya terdapat kesilapan dalam laporan dan tidak menerbitkan sumber sekiranya diminta.
- iv. Elak kesalahan serius dengan sengaja melakukan penipuan, fitnah, tuduhan tidak berasas, rasuah untuk menerbitkan atau menyembunyikan sesuatu dalam laporan.
- v. Jangan dikenakan tekanan, paksaan atau ancaman untuk mempengaruhi keputusan terhadap laporan yang dianggap penting dan harus didedahkan kepada umum.

Dalam pada itu, McQuail (2002) menegaskan bahawa kuasa media bukan hanya mempromosi idea dan imej tertentu tetapi mempunyai kebolehan menjadi pengempang maklumat (gatekeeper) kepada masyarakat. Menurut McQuail (2010), prinsip asas Teori Tanggungjawab Sosial sebagai i) media mesti menerima dan memenuhi tanggungjawab tertentu kepada masyarakat; ii) kewajipan ini berdasarkan profesionalisme seperti kualiti maklumat, kebenaran, ketepatan dan kesesuaian dan keseimbangan; iii) mengatur dan bertindak dalam lingkungan undang-undang dan institusi; iv) Elakkan mesej yang boleh memudaratkan masyarakat dan negara; v) Memberi peluang kepada masyarakat untuk menyatakan pandangan; dan vi) Individu yang terlibat dalam tanggungjawab media komunikasi mesti bertanggungjawab kepada majikan dan negara.. Snider, Hill dan Martin (2003) menekankan bahawa tanggungjawab sosial secara tradisional difahami sebagai menyamakan menjadi warganegara yang baik yang diterjemahkan ke dalam sebuah syarikat dan bahawa ia memberi tumpuan kepada isu-isu tertentu seperti persekitaran, sosial atau dasar masyarakat penyayang.

Dalam hal ini, konsep yang sama digunakan oleh Adams-Bloom dan Cleary (2009) mengenai Teori Tanggungjawab Sosial di media dengan menekankan bahawa prinsip tanggungjawab sosial digunakan untuk menangani isu-isu yang benar, objektif dan adil dalam kandungan media. Berkaitan dengan tanggungjawab sosial dan ekonomi sebuah media Adams-Bloom et al (2009) juga menunjukkan bahawa tanggungjawab sosial juga perlu berubah, terutama dengan pengembangan saluran media baharu yang juga mengubah cara penonton menggunakan kandungannya, memaksa organisasi media membuat perubahan yang sesuai dalam kandungannya. Dalam konteks pelaporan berita, tanggungjawab media sosial yang melibatkan kewartawanan pembangunan yang disebut meliputi mendukung usaha pembangunan selaras dengan dasar dan dasar pemerintah; membangun masyarakat dengan maklumat yang mengandungi nilai budaya yang baik; individu yang terlibat dalam media komunikasi harus bebas untuk mendapatkan maklumat dalam undang-undang dan dipertanggungjawabkan untuk maklumat tersebut.

Metodologi

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif untuk menganalisis peranan pengarang media massa dalam mematuhi peraturan Facebook. Pendekatan temu bual dilakukan dengan menjelaskan sekatan Facebook terhadap media di Malaysia dan kesannya terhadap laporan media di Malaysia. Kaedah temu bual digunakan kerana pengkaji dapat mengemukakan soalan secara terbuka kepada pemberi maklumat. Dalam kajian ini, analisis yang digunakan adalah analisis kandungan, tatabahasa dan fenomenologi. Tujuh informan yang ditanya dan dipilih untuk ditemu bual ialah mereka yang mahir dalam bidang kajian ini dan mereka diberikan 14 soalan untuk dijawab. Temu bual bersemuka dengan informan secara bersemuka dan telefon memandangkan waktu adalah negara dilanda pandemik Covid 19. Penyelidik merakamkan perbualan menggunakan telefon bimbit dan mencatat pelbagai maklumat yang diperolehi menggunakan buku nota. Maklumat ini kemudiannya disusun, ditafsir dan dianalisis oleh penyelidik. Berikut adalah senarai informan dalam Jadual 1.1.

Jadual 1.1 Maklumat Latar Belakang Temubual Pakar

No	Nama	Jawatan	Organisasi	Pengalaman	ID Pakar
1	Informan	Pengarang Berita Kanan	Berita (Akhbar perdana Melayu)	Harian Bahasa 26 tahun	Informan 1
2	Informan	Editor	TV3 - Media Prima Berhad (Stesen Televisyen)	32 tahun	Informan 2
3	Informan	Ketua Inisiatif Belia dan Media Sosial.	Astro Awani (Stesen Televisyen)	8 tahun	Informan 3
4	Informan	Editor Edisi Bahasa Melayu	Malaysiakini (Portal Berita Dwibahasa)	12 tahun	Informan 4

5	Informan	Editor Bernama.com	Pertubuhan Nasional Agensi Berita)	Berita Malaysia	21 tahun	Informan 5
6	Informan	Web Master Sinar Online	Sinar (Akhbar Perdana Melayu)	Harian Arus Bahasa	12 tahun	Informan 6
7	Informan	Editor Premium Desk	Sinar (Akhbar Perdana Melayu)	Harian Arus Bahasa	16 tahun	Informan 7

Dapatan Kajian

Apakah Frasa-Frasa Yang Dikenalpasti Dalam Kandungan Berita Yang Disekat Oleh Facebook?

Menurut temubual yang dijalankan bersama informan, tiada frasa khusus yang disenaraikan oleh media sosial seperti Facebook untuk disekat. Facebook akan mengalih keluar kandungan yang mempunyai elemen kebencian, mengancam, lucah, menghasut keganasan, kandungan yang mengandungi gambar bogel atau keganasan yang melampau. Walaupun tiada senarai lengkap mengenai apa yang boleh ditulis di ruangan Facebook, namun pengamal media di Malaysia mempunyai garis panduan mereka sendiri mengenai apa yang boleh mereka kongsikan melalui ruangan Facebook mereka. Walaupun sesetengah frasa seperti perkataan rogol, bangsat, seks, dubur tidak dibenarkan digunakan di dalam ruangan Facebook, namun sebagai pengamal media di Malaysia, mereka mempunyai standard mereka tersendiri dalam memilih frasa yang terdapat di dalam kamus Malaysia. Hal ini telah dijelaskan oleh Informan 2:

“Gatekeeper di TV3 tidak menjadikan Standard Komuniti Facebook sebagai panduan dalam penyuntingan berita di organisasi itu. TV3 menggariskan panduan tersendiri dalam penyuntingan berita dan akan tetap menggunakan perkataan rogol dan ungkapan kerana ia merupakan perkataan dalam kamus yang bebas untuk digunakan dalam laporan berita. Ungkapan haruan makan anak yang digunakan laporan berita tidak akan disunting oleh gatekeeper dan tetap digunakan kerana ia merupakan perumpamaan serta gambaran kepada individu yang merogol anak kandungnya. Perkataan-perkataan yang menjadi percakapan harian akan digunakan dalam setiap laporan berita.” - Informan 2 (Pengurus Pengumpulan Berita dan Ehwal Semasa, Rangkaian Televisyen Media Prima)

Kebanyakan pengamal media di Malaysia boleh menyenaraikan bentuk-bentuk frasa yang disekat oleh Facebook. Namun, ia menjadi pilihan mereka untuk menggunakan frasa tersebut atau tidak kerana pemilihan frasa Facebook dan pengamal media di Malaysia adalah berlainan. Berikut disenaraikan antara frasa-frasa yang dikenalpasti disekat oleh Facebook melalui pengalaman pengamal media:

“Gatekeeper di Berita Harian menjadikan Standard Komuniti Facebook sebagai panduan untuk menyunting berita yang akan dimuat naik di media sosial itu. Antara perkataan yang akan ditapis ialah keling dan paria kerana menyentuh sensitiviti kaum di negara ini.” - Informan 1 (Pengarang Berita Kanan Berita Harian)

“Berita Harian banyak kali menerima sekatan daripada Facebook kerana melanggar Standard Komuniti Facebook. Setiap hari ada berita yang perlu dikeluarkan daripada Facebook atas faktor-faktor tertentu dan kebanyakannya berkaitan emosi. Berita mengenai kemalangan antara artikel yang pernah disekat dan menerima teguran daripada Facebook kerana mengandungi gambar darah. Contoh lain ialah berita mengenai seorang budak didera dan gambarnya turut disiarkan Berita Harian pernah menerima sekatan daripada Facebook kerana menggunakan perkataan keling dan paria. Berita-berita berkaitan tuduhan terhadap pihak atau individu tertentu tidak akan di muat naik di Facebook sekiranya tidak mendapat sebarang respon daripada pihak atau individu terbabit, sebagai contoh berita Azmin Ali yang dituduh meliwat.” - Informan 1 (Pengarang Berita Kanan Berita Harian)

“Gatekeeper Malaysiakini tahu mengenai Standard Komuniti Facebook tetapi tidak secara terperinci. Peraturan dan sekatan dikenakan Facebook terhadap media di Malaysia sama seperti platform media sosial yang lain. Facebook menolak keganasan, pornografi dan fitnah.” - Informan 4 (Editor Malaysiakini)

“Berita terlalu ganas atau lucu yang dimuat naik oleh Sinar Harian di Facebook akan disekat. Facebook juga pernah menyekat berita-berita yang menggunakan perkataan rogol secara automatik. Sinar Harian menerima sekatan daripada Facebook bagi berita atau kandungan yang mengandungi unsur ganas, lucu dan tidak mematuhi peraturan atau etika. Antara contoh bahan yang disekat ialah foto seorang kanak-kanak yang dilaporkan melacur.” - Informan 7 (Editor Meja Premium Sinar Harian)

“Gatekeeper juga mengetahui bahawa terdapat frasa-frasa tertentu yang akan disekat oleh Facebook sekiranya disiarkan. Laporan mengenai bunuh diri dan menyentuh sensitiviti kaum sama sekali tidak dibenarkan.” Informan 5 (Editor Bernama.com)

“Astro Awani pernah melanggar peraturan yang dikenakan oleh Facebook terutamanya berkaitan kes berkaitan bunuh diri. Facebook pernah menyekat akaun Astro Awani selama tiga bulan kerana melanggar peraturan dan tidak mematuhi Standard Komuniti Facebook. - Informan 3 (Ketua Inisiatif Belia dan Media Sosial Astro Awani)

“Berita yang mempunyai gambar orang bunuh diri pernah menerima sekatan daripada Facebook kerana melanggar Standard Komuniti Facebook. Sinar Harian menerima notifikasi daripada Facebook kerana individu membunuh diri masih dapat dilihat dengan jelas walaupun gambar itu sudah dikaburkan sebelum dimuat naik di Facebook.” - Informan 6 (Ketua Web Master Sinar Harian Online)

“Setakat ini TV3 hanya pernah menerima sekatan daripada Facebook disebabkan oleh isu hak cipta.” - Informan 2 (Pengurus Pengumpulan Berita dan Ehwal Semasa, Rangkaian Televisyen Media Prima)

“Malaysiakini pernah menerima notifikasi daripada Facebook kerana isu hak cipta gambar yang digunakan dalam laporan beritanya. - Informan 4 (Editor Malaysiakini)

“Setakat ini berita Bernama yang dimuat naik di Facebook tidak pernah disekat namun video pernah berdepan dengan isu hak cipta terhadap lagu yang digunakan.
- Informan 5 (Editor Bernama.com)

Daripada temu bual yang dilakukan bersama pengamal media Malaysia, ianya didapati bahawa terdapat kategori frasa yang digunakan yang akan disekat oleh Facebook. Facebook menyekat frasa-frasa yang mengandungi unsur perkauman (keling, paria), ganas (bunuh diri, foto darah), seksual (rogol, liwat, pornografi) dan hantaran yang melanggar hak cipta. Facebook tegas dengan sekatan yang mereka amalkan ke atas frasa-frasa dan hak cipta sesuatu hantaran walaupun frasa tersebut terdapat di dalam kamus Bahasa Malaysia seperti frasa rogol dan liwat. Frasa seperti paria dan keling perlu disekat kerana ia bersifat perkauman dan ianya merupakan istilah yang tidak didaftarkan di dalam kamus Bahasa Malaysia. Namun begitu, sekatan frasa daripada Facebook kurang dipersetujui oleh sesetengah pengamal media di Malaysia. Pada pandangan mereka, Facebook kurang arif mengenai frasa yang sering digunakan oleh rakyat Malaysia dalam perbualan harian. Frasa yang disekat oleh Facebook juga lebih melihat kepada konteks yang dianggap negatif oleh masyarakat di Barat. Sebagai contoh, informan 1 berpendapat bahawa Facebook tidak wajar menyekat perkataan paria kerana ia tidak merujuk kepada mana-mana kaum tertentu dan ianya frasa yang biasa digunakan oleh rakyat Malaysia. Hantaran yang ingin dikongsikan oleh pengamal media di Malaysia tidak sampai kepada pembaca sasaran kerana mesej yang hendak disampaikan perlu diubah beberapa kali sebelum dapat dikongsikan. Ianya dikongsikan seperti temubual di berikut:

“Terdapat peraturan dan sekatan yang dikenakan oleh Facebook itu keterlaluan. Sebagai contoh menyekat berita kemalangan yang disertakan gambar-gambar mangsa cedera parah dan berdarah. Facebook tidak wajar menyekat perkataan paria kerana ia bukan bermaksud negatif dan tidak merujuk kepada individu atau kaum tertentu. Facebook perlu mengenal pasti frasa-frasa yang biasa digunakan oleh rakyat Malaysia dan tidak menyekatnya. Satu jawatankuasa perlu ditubuhkan oleh Facebook untuk menilai semula frasa-frasa yang menyentuh sensitiviti politik dan kaum. Facebook juga diminta tidak terlalu tegas dengan peraturannya kerana menyukarkan gatekeeper melaksanakan tugas.” - Informan 1 (Pengarang Berita Kanan Berita Harian)

“Dalam konteks di Malaysia, peraturan dan sekatan oleh Facebook dirasakan perlu dikenakan terhadap media di Malaysia kerana tidak menimbulkan sebarang impikasi. Peraturan dan sekatan yang dikenakan oleh Facebook hanya mengikut etika dan penilaian negara Barat sahaja serta apa yang dianggap luar batasan mereka sahaja yang akan disekat.” - Informan 2 (Pengurus Pengumpulan Berita dan Ehwal Semasa, Rangkaian Televisyen Media Prima)

Walau bagaimanapun, pengamal media Malaysia akur dengan peraturan dan sekatan yang dikenakan oleh Facebook kerana ia Facebook sebagai entiti media sosial yang besar perlu menjaga kepentingan banyak pihak. Facebook juga berperanan dalam memastikan hantaran yang dikongsikan di platformnya menyebarkan kandungan yang positif.

“Komuniti Standard Facebook disifatkan kejam namun difahami bahawa tindakan dilakukan itu adalah untuk menjaga kepentingan pelabur dan mendisiplinkan media di Malaysia. Facebook menghubungkan ramai orang, justeru platform itu perlu meneliti dan memastikan setiap kandungan yang dimuat naik oleh media tidak

mempunyai unsur-unsur negatif.” - Informan 3 (Ketua Inisiatif Belia dan Media Sosial Astro Awani)

“Sekatan-sekatan yang dikenakan oleh Facebook terhadap media amat perlu kerana banyak kandungan berita dan laporan yang perlu disaring sebelum disiarkan supaya sesuai untuk dibaca oleh semua pihak.” - Informan 6 (Ketua Web Master Sinar Harian Online)

Adakah Pengarang Media Cakna Akan Peraturan Sekatan Dan Tapisan Oleh Facebook Dan Bentuk Tindakan Yang Diambil Dalam Penyampaian Berita Ke Laman Facebook?

Di era konvergen ini, pengarang media seharusnya cakna terhadap peraturan, sekatan dan tapisan yang dikenakan oleh Facebook kerana media sosial merupakan salah satu medium mereka berkongsi berita dengan pembaca. Tambahan pula, menurut kajian oleh Anspach (2017), pengguna Facebook mampu mempengaruhi berita apa yang harus dibaca oleh rakan mereka di Facebook. Justeru itu, berita yang sensasi dan dibaca oleh ramai pengguna akan mencapai audiens yang lebih besar. Justeru itu, pengarang media perlu mengetahui bentuk peraturan dan sekatan yang dikenakan oleh Facebook bagi memastikan berita tersebut sampai kepada pembaca dan tidak disekat. Melalui temu bual bersama dengan pengarang media, ianya didapati hanya seorang pengamal media kurang cakna dengan peraturan dan sekatan Facebook ke atas hantaran yang dimuat naik oleh pengguna.

“Saya tidak tahu dan sedar mengenai Standard Komuniti Facebook dan tidak menjadikan Standard Komuniti Facebook sebagai panduan dalam penyuntingan berita.” - Informan 7 (Editor Meja Premium Sinar Harian)

Hal ini menjelaskan mengapa hantaran yang dikongsikan oleh Sinar Harian kerap disekat oleh Facebook seperti yang telah dijelaskan oleh Informan 7 di objektif 2. Menurut beliau:

“Berita terlalu ganas atau lucu yang dimuat naik oleh Sinar Harian di Facebook akan disekat. Facebook juga pernah menyekat berita-berita yang menggunakan perkataan rogol secara automatik. Sinar Harian menerima sekatan daripada Facebook bagi berita atau kandungan yang mengandungi unsur ganas, lucu dan tidak mematuhi peraturan atau etika. Antara contoh bahan yang disekat ialah foto seorang kanak-kanak yang dilaporkan melacur.” - Informan 7 (Editor Meja Premium Sinar Harian)

Berita yang dikongsikan oleh Sinar Harian di Facebook sering kali disekat dan antaranya mengandungi unsur ganas dan lucu termasuk penggunaan perkataan rogol dan melacur. Tambahan pula, berita pelacuran itu melibatkan kanak-kanak. Hal ini adalah berikutan pengarang Sinar Harian yang kurang cakna terhadap Standard Komuniti Facebook dalam menyunting berita bagi dimuat naik ke dalam Facebook. Namun begitu, majoriti pengarang berita lain mengetahui mengenai peraturan dan sekatan yang dikenakan oleh Facebook. Mereka berpendapat bahawa sekatan yang dilakukan adalah perlu bagi menjaga sensitiviti masyarakat.

“Gatekeeper di Berita Harian tahu mengenai kewujudan Komuniti Standard Facebook dan berpandangan bahawa peraturan yang ditetapkan oleh Facebook bertujuan untuk menjaga sensitiviti masyarakat. Bernaung di bawah Media Prima, Berita Harian melalui era konvergen dan melakukan transformasi daripada segi gerak kerja di organisasi.

Pengarang kanan yang bertanggungjawab sebagai gatekeeper, beliau mengetahui mengenai syarat-syarat memuat naik berita ke Facebook.” Informan 1 - Informan 1 (Pengarang Berita Kanan Berita Harian)

“Gatekeeper Malaysiakini tahu mengenai Standard Komuniti Facebook tetapi tidak secara terperinci. Peraturan dan sekatan dikenakan Facebook terhadap media di Malaysia sama seperti platform media sosial yang lain. - Informan 4 (Editor Malaysiakini)

“Gatekeeper di Bernama tahu mengenai Komuniti Standard Facebook dan peraturan serta sekatan yang dikenakan. Gatekeeper juga mengetahui bahawa terdapat frasa-frasa tertentu yang akan disekat oleh Facebook sekiranya disiarkan. Peraturan ditetapkan menerusi Standard Komuniti Facebook akan dijadikan panduan untuk penyuntingan berita. - Informan 5 (Editor Bernama.com)

Gatekeeper sedar sekatan dan akan berhati-hati untuk melepaskan berita-berita yang akan dimuat naik di Facebook dan memastikan ia disemak dengan teliti. Terdapat SOP tertentu yang diamalkan oleh media arus perdana seperti Berita Harian ketika memilih berita yang akan dimuat naik di Facebook. Media arus perdana perlu peka dan menjaga sensitiviti dalam menghasilkan berita dan ketika memuat naik apa-apa kandungan di Facebook untuk mengelak ketegangan. Ia menjadi editorial polisi setiap organisasi media arus perdana dan juga panduan kepada semua petugas media.” - Informan 1 (Pengarang Berita Kanan Berita Harian)

“Gatekeeper Sinar Harian mengetahui bahawa Standard Komuniti Facebook merupakan garis panduan untuk memastikan bahan yang dinaikkan tidak melanggar etika tertentu. Gatekeeper Sinar Harian menjadikan Standard Komuniti Facebook sebagai panduan dalam penyuntingan berita.” - Informan 6 (Ketua Web Master Sinar Harian Online)

Setelah berita yang ditulis oleh pengarang disunting, ianya dimuat naik ke Facebook rasmi kepunyaan bilik berita. Kadang kala, ianya tetap disekat oleh pihak Facebook kerana tidak memenuhi kriteria bagi dikongsikan ke Facebook. Maka, pengarang yang ditemubual telah berkongsi langkah yang diambil oleh pihak mereka dalam memastikan berita tersebut dapat dikongsikan dengan pembaca.

“Tindakan yang diambil selepas menerima teguran dan sekatan daripada Facebook ialah segera mengeluarkan berita tersebut untuk diperbetulkan sebelum dimuat naik semula ke platform media sosial tersebut. Informan 1 (Pengarang Berita Kanan Berita Harian)

Tindakan yang dikenakan itu menjadikan gatekeeper di Astro Awani lebih berhati-hati dalam penyuntingan berita. Antara tindakan yang diambil terhadap berita yang disekat ialah mengolah semula kandungannya supaya mematuhi ketepatan dibuat Facebook sebelum dimuat naik semula di media sosial itu. - Informan 3 (Ketua Inisiatif Belia dan Media Sosial Astro Awani)

Laporan yang disekat oleh Facebook akan segera dikeluarkan daripada platform media sosial itu. Bagaimanapun, jika sekatan itu melibatkan kesalahan yang tidak sepatutnya dikenakan tindakan, editor akan membuat penjelasan kepada Facebook dan akhirnya laporan itu diberi kebenaran untuk siaran.” - Informan 5 (Editor Bernama.com)

Seperti yang telah dilaporkan, terdapat sekatan dilakukan oleh Facebook yang berkaitan dengan hak cipta. Hal ini bermakna, pengarang berita harus menjelaskan sumber asal berita atau foto diambil yang telah dimuat naik ke laman Facebook mereka. Namun, sekiranya sekatan dilakukan, pengamal media akan menjelaskan kepada Facebook mengenai sumber berita mereka bagi memastikan hak cipta tidak dicerobohi.

“Masalah itu (hak cipta) ditangani dengan melanggan Reuters dan bekerjasama dengan beberapa stesyen televisyen berita lain seperti RCTI dan TVRI. Sekatan yang dikenakan oleh Facebook terhadap TV3 akan dirujuk kepada Jabatan Undang-undang syarikat dan gatekeeper tidak akan berhubung dengan pihak Facebook untuk membincangkan isu tersebut.” - Informan 2 (Pengurus Pengumpulan Berita dan Ehwal Semasa, Rangkaian Televisyen Media Prima)

“Facebook didapati amat tegas dan sensitif terhadap kandungan yang dimuat naik oleh media terutamanya gambar serta visual. Astro Awani juga pernah berdepan dengan isu pelanggaran hak cipta namun tindakan yang diambil ialah dengan memberikan penjelasan kepada Facebook bahawa kebenaran telah diperoleh daripada pemilik visual yang disekat.” - Informan 3 (Ketua Inisiatif Belia dan Media Sosial Astro Awani)

Gambar yang diambil daripada akaun Johor Southern Tiger dilaporkan kepada Facebook. Tindakan itu dikenakan kerana melanggar hak cipta dan sebaik menerima teguran daripada Facebook, gambar itu segera dikeluarkan. Selepas menerima notifikasi daripada Facebook, gambar yang dikatakan melanggar hak cipta itu segera dikeluarkan.” - Informan 4 (Editor Malaysiakini)

Kesimpulan

Hasil kajian menunjukkan setiap organisasi media atas talian di Malaysia perlu mematuhi Standard Komuniti Facebook dan peraturan dalam Facebook sekiranya menggunakan platform media sosial itu untuk menyiarkan kandungan atau berita. Semua organisasi media di mana tujuh informan berkhidmat pernah dikenakan tindakan kerana melanggar Standard Komuniti itu. Dalam usaha mengenal pasti frasa-frasa dalam kandungan berita yang disekat oleh Facebook Pengarang kebanyakan mengenal pasti perkataan yang menyentuh sensitiviti kaum seperti keling dan paria jelas sekali tidak dibenarkan untuk disiarkan di Facebook. Selain itu, kandungan berbentuk video juga akan berdepan tindakan sekiranya melanggar hak cipta. Persoalan mengukur tahap kesedaran pengarang media mengenai peraturan dan sekatan Facebook juga didapati enam daripada tujuh gatekeeper organisasi media di negara ini menyedari mengenai peraturan yang dikenakan Facebook terhadap media atas talian. Dalam kajian ini, tiga aspek telah dikenal pasti yang memerlukan penambahbaikan bagi membantu memudahkan tugas pengarang berita atau gatekeeper dalam proses penyuntingan berita iaitu peraturan dan sekatan yang dikenakan oleh Facebook itu keterlaluan. Facebook perlu mengenal pasti frasa-frasa yang biasa digunakan oleh rakyat Malaysia dan tidak menyekatnya. Satu jawatankuasa perlu ditubuhkan oleh Facebook untuk menilai semula frasa-frasa yang menyentuh sensitiviti politik dan kaum. Facebook juga diminta tidak terlalu tegas dengan

peraturannya kerana menyukarkan gatekeeper melaksanakan tugas. Peraturan dan sekatan yang dikenakan oleh Facebook hanya mengikut etika dan penilaian negara Barat sahaja serta apa yang dianggap luar batasan mereka sahaja yang akan disekat dan platform media sosial itu dikatakan tidak memahami landskap media terutamanya di Malaysia. Walaubagaimanapun, ada pengarang berpandangan bahawa peraturan yang dikenakan oleh Facebook terhadap media amat perlu kerana banyak kandungan berita dan laporan yang perlu disaring sebelum disiarkan supaya sesuai untuk dibaca oleh semua pihak.

Rujukan

- Adams-Bloom, T., & Cleary, J. (2009). Staking a claim for social responsibility: An argument for the dual responsibility model. *The International Journal on Media Management*, 11(1), 1-8.
- Anspach, N. M. (2017). The new personal influence: How our Facebook friends influence the news we read. *Political Communication*, 34(4), 590-606.
- Assembly U, G. (1948), Universal Declaration of Human Rights. UN General Assembly, 302 (2). Diakses pada 11 Mei 2020, <https://www.un.org/en/about-us/universal-declaration-of-human-right>.
- Balakrishnan, V., & Shamim, A. (2013). Malaysian Facebookers: Motives and addictive behaviours unraveled. *Computers in Human Behavior*, 29(4), 1342-1349.
- Bamman, D., O'Connor, B., & Smith, N. (2012). Censorship and deletion practices in Chinese social media. *First Monday*.
- Bell, E. (2016). Facebook is eating the world. *Columbia Journalism Review*, 7(3).
- Bernstein, M. S., Bakshy, E., Burke, M., & Karrer, B. (2013, April). Quantifying the invisible audience in social networks. In *Proceedings of the SIGCHI Conference on Human Factors in Computing Systems* (pp. 21-30).
- Broersma, M., & Graham, T. (2012). Social media as beat: Tweets as a news source during the 2010 British and Dutch elections. *Journalism Practice*, 6(3), 403-419.
- Bullying. (2021). *Bullying*. Diakses daripada <https://www.facebook.com/communitystandards/bullying>
- Carlson, M. (2016). Metajournalistic discourse and the meanings of journalism: Definitional control, boundary work, and legitimation. *Communication Theory*, 26(4), 349-368.
- Community Standard. (2020). *Facebook Community Standard*. Diakses daripada <https://www.facebook.com/communitystandards/>
- Coordinating Harm. (2021). *Coordinating Harm*. Diakses daripada https://www.facebook.com/communitystandards/coordinating_harm
- Cruel Insensitive, (2021). *Cruel Insensitive*. Diakses daripada https://www.facebook.com/communitystandards/cruel_insensitive
- Dangerous Individual Organizations. (2020). *Dangerous Individual Organizations*. Diakses daripada https://www.facebook.com/communitystandards/dangerous_individuals_organizations
- Donath, J., & Boyd, D. (2004). Public displays of connection. *BT technology Journal*, 22(4), 71-82.
- Facebook (2020). *Community Standards*. Diakses daripada <https://www.facebook.com/communitystandards/>
- Fletcher, R., & Nielsen, R. K. (2018). Are people incidentally exposed to news on social media? A comparative analysis. *New media & society*, 20(7), 2450-2468.
- Graphic Violence. (2021). *Graphic Violence*. Diakses daripada https://www.facebook.com/communitystandards/graphic_violence.

- Green, J., Wyllie, A., & Jackson, D. (2014). Social networking for nurse education: Possibilities, perils and pitfalls. *Contemporary Nurse*, 47(1-2), 180-189.
- Hargittai, E., & Walejko, G. (2008). The participation divide: Content creation and sharing in the digital age. *Information, Community and Society*, 11(2), 239-256.
- Hate Speech. (2021). *Hate Speech*. Diakses dari https://www.facebook.com/communitystandards/hate_speech/
- Hermida, A. (2016). Social media and the news. *The SAGE handbook of digital journalism*. London: SAGE, 81-94.
- Hey Tow, W. N. F., Dell, P., & Venable, J. (2010). Understanding information disclosure behaviour in Australian Facebook users. *Journal of Information Technology*, 25(2), 126-136.
- Jackson, M. O. (2014). Networks in the understanding of economic behaviors. *Journal of Economic Perspectives*, 28(4), 3-22.
- Jackson, S. J. (2014). 11 Rethinking Repair. *Media technologies: Essays on Communication, Materiality, and Society*, 221-39.
- Jagatic, N., Johnson, A., & Jakobsson, M. (2007) and Menczer, F.(2007). *Social Phishing. Communications of the ACM*, 50(10), 94-100.
- Jones, S., & Fox, S. (2009). *Generations online in 2009* (pp. 1-9). Washington, DC: Pew Internet & American Life Project.
- Ju, A., Jeong, S. H., & Chyi, H. I. (2014). Will social media save newspapers? Examining the effectiveness of Facebook and Twitter as news platforms. *Journalism Practice*, 8(1), 1-17.
- Kaplan, A. M., & Haenlein, M. (2010). Users of the world, unite! The challenges and opportunities of Social Media. *Business Horizons*, 53(1), 59-68.
- Kent, K.E. (1975). Mass communication, information control and development: a general systems theory analysis. *Tesis Ph.D.* University of Minnesota, United State of America.
- Kent, K.E. (1975). Mass communication, information control and development: a general systems theory analysis. *Tesis Ph.D.* University of Minnesota, United State of America.
- Livingstone, S., Ólafsson, K., & Staksrud, E. (2011). Social networking, age and privacy.
- Ma'Alip, S. A. (2015). Language Choice of Communication On Social Networking Site. *Jurnal Komunikasi-Malaysian Journal of Communication*, 31(2), 231-246.
- Mahmud, M. Z., & Omar, B. (2013). Motif dan kekerapan penggunaan Facebook dalam kalangan pelajar universiti. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 29(1).
- Mahmud, W. A. W., & Pitchan, M. A. (2017). Media baharu dan institusi raja di Malaysia: Kes penghinaan raja-raja di media sosial. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 33(1).
- McQuail, D. (2000). *Mass Communication*.
- McQuail, D. (2010). The future of communication studies: A contribution to the debate. *Media and Communication Studies Interventions and Intersections*, 27.
- McQuail, D. (2010). *McQuail's Mass Communication Theory*. Sage publications.
- McQuail, D. (Ed.). (2002). *McQuail's Reader in Mass Communication Theory*. London: Sage Publications.
- Melissa, E., & Hamdati, A. (2011). *Komunikasi 2.0: Teoritisi dan Implikasi*. Yogyakarta: Mata Padi Pressindo.
- Mitchell, A., & Holcomb, J. (2016). State of the news media 2016.
- Mitchell, A., Holcomb, J., & Weisel, R. (2015). State of the news media 2016. Pew Research Center. *Journalism & Media*.

- Mustafa, S. E., & Hamzah, A. (2011). Online social networking: A new form of social interaction. *International Journal of Social Science and Humanity*, 1(2), 96.
- Mustaffa, N., Ibrahim, F., Samani, M. C., & Rahim, M. H. A. (2010). Persepsi khalayak terhadap kredibiliti media di Malaysia. *Journal of Social Sciences & Humanities*, 5(2), 153-160.
- Nerone, J., & Barnhurst, K. G. (2001). Beyond Modernism: digital design, Americanization and the future of newspaper form. *New Media & Society*, 3(4), 467-482.
- Neuman, W. L., & Robson, K. (2012). Qualitative interviewing. *Basics of Social Research Qualitative and Quantitative Approaches*, 187-203.
- Nygren, T., & Guath, M. (2019). Swedish teenagers' difficulties and abilities to determine digital news credibility. *Nordicom Review*, 40(1), 23-42.
- Penyata Parlimen (2001), Dakses pada pada 20 Mac 2021. <https://www.parlimen.gov.my/files/hindex/pdf/DR-28112001.pdf>
- Pitchan, M. A. B., Mahmud, W. A. W., Sannusi, S. N., & Salman, A. (2015). Control and freedom of the Internet: Challenges faced by the government. *Journal of Asian Pacific Communication*, 25(2), 243-252.
- Pratiwi, M. R. (2015). Peranan ICT bagi Organisasi Media Massa dan Budaya Masyarakat. *Komunikator*, 6(01).
- Privacy Violations Image Rights. (2021). *Privacy Violations Image Rights.*, Diakses daripada https://www.facebook.com/communitystandards/privacy_violations_image_rights
- Rosenblum, D. (2007). What anyone can know: The privacy risks of social networking sites. *IEEE Security & Privacy*, 5(3), 40-49.
- Schweiger, W. (2000). Media credibility—experience or image? A survey on the credibility of the World Wide Web in Germany in comparison to other media. *European Journal of Communication*, 15(1), 37-59.
- Setiawan, W. (2017). *Era digital dan tantangannya*. Diakses daripada <http://eprints.ummi.ac.id/151/2/1.%20Era%20Digital%20dan%20Tantangannya.pdf>.
- Sexual Solicitation. (2021). *Sexual Solicitation*. Diakses daripada https://www.facebook.com/communitystandards/sexual_solicitation
- Smith, A. (2019). More than half of US adults trust law enforcement to use facial recognition responsibly. *Pew Research Center*, 5.
- Snider, J., Hill, R. P., & Martin, D. (2003). Corporate social responsibility in the 21st century: A view from the world's most successful firms. *Journal of Business Ethics*, 48(2), 175-187.
- South China Morning Post, (2019), Fake News, Diakses daripada <https://www.scmp.com/yp/topics/fake-news>
- Spyridou, L. P., Matsiola, M., Veglis, A., Kalliris, G., & Dimoulas, C. (2013). Journalism in a state of flux: Journalists as agents of technology innovation and emerging news practices. *International Communication Gazette*, 75(1), 76-98.
- Spyridou, L. P., Matsiola, M., Veglis, A., Kalliris, G., & Dimoulas, C. (2013). Journalism in a state of flux: Journalists as agents of technology innovation and emerging news practices. *International Communication Gazette*, 75(1), 76-98.
- Suicide Self Injury Violence. (2021). Suicide self injury violence. Diakses daripada https://www.facebook.com/communitystandards/suicide_self_injury_violence/
- Timmons, M. (2007). Disputed moral issues: a reader.
- Vermeer, S., Trilling, D., Kruikemeier, S., & de Vreese, C. (2020). Online news user journeys: the role of social media, news websites, and topics. *Digital Journalism*, 8(9), 1114-1141.

- Winter, S., Brückner, C., & Krämer, N. C. (2015). They came, they liked, they commented: Social influence on Facebook news channels. *Cyberpsychology, Behavior, and Social Networking*, 18(8), 431-436.
- Winzer, P. J., Neilson, D. T., & Chraplyvy, A. R. (2018). Fiber-optic transmission and networking: the previous 20 and the next 20 years. *Optics express*, 26(18), 24190-24239.
- Wisniewski, P., Lipford, H., & Wilson, D. (2012, May). Fighting for my space: Coping mechanisms for SNS boundary regulation. In *Proceedings of the SIGCHI Conference on Human Factors in Computing Systems* (pp. 609-618).
- Wu, L., Morstatter, F., Hu, X., & Liu, H. (2016). Mining misinformation in social media. *Big data in Complex and So*